

ALTERNATIVE EVIDENCE USING FORENSIC SCIENCE TOWARDS SODOMY AND TRIBADISM CASES IN SYARIAH COURT

KETERANGAN ALTERNATIF MENGGUNAKAN SAINS FORENSIK TERHADAP KES LIWAT DAN MUSAHAQAH DI MAHKAMAH SYARIAH

Muhammad Hazim Ahmad^{1,7}, Ruqayyah Razak^{2,7}, Nurul Syahirah Saharudin^{3,7}, Hendun Abd. Rahman Shah⁴, Hasnizam Hashim⁵ & Ahmad Syukran Baharuddin^{6,7}

¹ Pembantu Penyelidik Siswazah, Calon Sarjana Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. hazimibnahmad@gmail.com

² Pembantu Penyelidik Siswazah, Calon Sarjana Sains Islam, Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia. ruqrzk@gmail.com

³ Pembantu Penyelidik Siswazah, Calon Sarjana Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. nusyahirah19@gmail.com

⁴ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. hendun@usim.edu.my

⁵ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. hasnizam@usim.edu.my

⁶ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. ahmadsyukran@usim.edu.my

⁷ Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia. forsjc19@gmail.com

**Vol. 6. No. 2
Special Edition
(SKESA) 2019**

Abstract

Forensic science as a mean of proof in the Syariah Court has begun to be debated by scholars and academicians. This study is carried out to introduce several forensic science methods that can be used as alternative evidence other than confession and witness for the LGBT cases namely sodomy and tribadism. This qualitative study used socio-legal method and library-based research in collecting primary and secondary data. Then, content analysis has been adopted through inductive and deductive reasoning approach to analyse the said data. Findings show that sodomy and tribadism are part of syariah criminal offenses in Malaysia. This study has also found that there are several forensic science methods that can be used as alternative evidence including DNA analysis, physical, biological, chemical analysis, and digital device analysis. This study suggests that the aspect of evidences for LGBT cases in the context of Hukum Syarak and Islamic Law should be emphasized since such studies have not been conducted by previous researchers.

Keywords: *Forensics, LGBT, Sodomy, Tribadism, Evidence.*

Abstrak

Sains forensik sebagai salah satu kaedah pembuktian di Mahkamah Syariah telah mula hangat diperbahaskan oleh para ilmuan dan ahli

akademik. Kajian ini dijalankan bagi memperkenalkan beberapa kaedah sains forensik yang boleh digunakan sebagai keterangan alternatif selain daripada pengakuan salah dan saksi bagi kes-kes LGBT. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah sosio-perundangan dan kajian kepustakaan dalam mengumpulkan data primer dan sekunder. Kemudian, kaedah analisis kandungan telah diaplikasikan dengan menggunakan pendekatan penalaran induktif dan deduktif untuk menganalisa data-data tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa liwat dan musahaqah adalah sebahagian daripada kesalahan jenayah syariah di Malaysia. Kajian juga mendapati terdapat beberapa kaedah sains forensik yang boleh digunakan sebagai keterangan alternatif termasuklah analisa DNA, analisa bahan bukti fizikal, biologi, kimia, dan analisa peranti digital. Kajian ini mencadangkan agar aspek pembuktian bagi kes-kes LGBT dalam konteks undang-undang Syariah dan juga Hukum Syarak perlu diberikan penekanan kerana kajian yang sebegini masih belum ada dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas.

Kata kunci: Forensik, LGBT, Liwat, Musahaqah, Keterangan.

PENDAHULUAN

Liwat diertikan sebagai memasukkan zakar atau sebahagiannya ke dalam dubur orang lelaki sekalipun hambanya atau perempuan selain daripada isterinya (al-Buhūti, 1997; al-Khaṭīb al-Sharbinī, 2004; al-Nafrāwī, 1997; al-Sarkhasī, 1993).

Manakala musahaqah pula diertikan sebagai perbuatan seorang perempuan mendatangi (*ityān*) perempuan yang lain (al-Buhūti, 1997; al-Imrānī, 2000). Terdapat beberapa perbuatan yang dikaitkan dengan *ityān*, termasuklah mengosok atau menggesel faraj dengan faraj yang lain (‘Awdah, 2005), menggosok jari, mencium dan menghisap faraj sama ada sehingga klimaks ataupun tidak (Zulkifli, 2018).

Terdapat juga pihak yang mendefinisikan musahaqah sebagai perlakuan seks seorang wanita terhadap wanita yang lain sama seperti yang dilakukan oleh lelaki ketika bersetubuh dengan wanita (Ibnu Hajar al-Haitami, 1987).

Melakukan perbuatan terkutuk ini adalah haram berdasarkan ijmak para ulama (Ibnu al-Qattān, 2004; Ibnu Hazm, 1998). Perbincangan tentang pendalilan mereka terhadap pengharaman hukuman liwat dan musahaqah boleh dilihat pada literatur-literatur kajian lalu seperti Mahfudzah

(2015) dan Ashgar dan Yusuff (2018).¹

Merujuk kepada konteks undang-undang jenayah Islam, setiap perbuatan yang dilakukan melanggar perintah Hukum Syarak adalah dikira sebagai suatu kesalahan jenayah dan wajar dikenakan hukuman setimpal dengan kesalahan jenayah yang telah dilakukan (Abu Zahrah, 1998; ‘Awdah, 2005). Oleh itu, sesiapa yang melakukan perbuatan liwat atau musahaqah adalah dikira telah melakukan jenayah.

SOROTAN LITERATUR

Kajian berkaitan golongan LGBT merangkumi pelbagai bidang pengetahuan termasuklah psikologi, perubatan, dan perundangan. Kajian ini hanya memberikan tumpuan terhadap kajian lepas berkaitan kajian LGBT dalam bidang perundangan kerana selaras dengan fokus kajian yang membicarakan tentang aspek perundangan jenayah dan keterangan Syariah di Malaysia.

Setakat pembacaan yang telah dijalankan, tidak banyak literatur berkaitan kajian LGBT dilaksanakan berteraskan aspek perundangan. Mahfudzah (2015) telah menjalankan

¹ Perbincangan telah banyak dilakukan dalam literatur-literatur terdahulu serta perbincangan yang jelas serta kerap dinyatakan dalam kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari berkenaan pendalilan hukum liwat dan musahaqah.

kajian berkenaan isu LGBT dari perspektif Hukum Syarak dan undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Beliau turut membuat analisa terhadap kes *Muhamad Juzaili bin Mohd Khamis & Ors v Kerajaan Negeri Sembilan & Ors* yang hangat pada waktu itu.

Hasil kajian beliau mendapati tujuh jenis kesalahan yang berkaitan dengan LGBT iaitu liwat, lelaki berlagak seperti perempuan, perempuan berlagak seperti lelaki, musahaqah, perhubungan jenis luar tabi'e, pondan, dan hubungan jenis antara orang yang sama jantina. Kesalahan-kesalahan ini merangkumi semua peruntukan kesalahan jenayah Syariah yang ada di dalam akta, enakmen dan Ordinan di negeri-negeri seluruh Malaysia.

Mohd Izzat Amsyar, Muhammad Syahlan, Hisham, dan Fareed (2018) pula telah menjalankan kajian terhadap peruntukan undang-undang sivil dan syariah yang dikuatkuasakan bagi menangani permasalahan salah laku golongan LGBT di Malaysia. Dapatan analisis mereka menunjukkan bahawa perundangan syariah menyediakan peruntukan undang-undang yang lebih luas berbanding perundangan sivil bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan golongan LGBT.

Namun begitu, ianya tertakluk pula kepada had hukuman yang rendah dan terhad kepada pesalah laku beragama Islam sahaja. Disebabkan ketiadaan undang-undang khas mengenai LGBT digubal oleh badan-badan perundangan, penguatkuasa dan pendakwaraya hanya bergantung kepada undangundang umum; iaitu Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (WilayahWilayah Persekutuan) 1997, Akta Perhimpunan Aman 2012, Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1992 dan Akta Kesalahan Kecil 1955.

Seterusnya, merujuk kepada kajian Ashgar dan Yusuff (2018), mereka menumpukan perbincangan berkaitan isu etika dan undang-undang yang berkaitan LGBT, pandangan Islam mengenai aktiviti seksual LGBT dan kesan sosial LGBT terhadap institusi

perkahwinan. Konteks kajian adalah bersifat komparatif antara undang-undang anti-LGBT di Malaysia dan Nigeria.

Hasil kajian mereka menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa LGBT adalah haram, tidak bermoral, tidak berilmu, dan tidak beragama. Difahamkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa LGBT melanggar kemuliaan, keperibadian dan hak asasi manusia.

Oleh itu, peserta bersetuju bahawa Syariah adalah undang-undang terbaik untuk dilaksanakan terhadap orang Islam yang melakukan jenayah LGBT dan negara atau pihak berkuasa Islam tidak boleh menghalalkan LGBT tanpa mengira ancaman atau tekanan dari mana-mana negara.

Sebagai kenyataan akhir, pertempuran untuk hak asasi manusia adalah pertempuran untuk memulihkan hak-hak orang yang telah dilucutkan, untuk memulihkan martabat manusia. Hak asasi manusia tidak boleh digunakan untuk mempromosikan aktiviti haram dan tidak bermoral, tingkah laku tidak rasional yang bertentangan dengan sifat manusia yang dicipta.

Berdasarkan kepada literatur kajian lepas yang telah dinyatakan, perbahasan yang dibawa hanya tertumpu pada aspek undang-undang jenayah sahaja. Umum mengetahui bahawa dari segi undang-undang jenayah Islam, perbuatan LGBT adalah haram dan sewajarnya dikenakan hukuman yang berat. Sungguhpun demikian, sebelum mensabitkan sesuatu kesalahan jenayah, adalah terlebih dahulu perlu dibuktikan bahawa OKT sememangnya melakukan jenayah terkutuk tersebut. Hal ini membawa kepada aspek pembuktian bagi kes-kes jenayah.

Masih belum ada literatur yang membincangkan aspek pembuktian bagi kes-kes LGBT dalam konteks undang-undang Syariah dan juga Hukum Syarak. Oleh kerana itu, kajian ini memilih perbahasan LGBT dalam aspek pembuktian bagi mengisi jurang akademik yang wujud.

Kajian ini akan membincangkan kaedah-kaedah pembuktian yang berkemungkinan boleh digunakan bagi mensabitkan perbuatan LGBT. Kaedah-kaedah pembuktian ini dibincangkan dengan menggabungkan elemen undang-undang keterangan Syariah dengan perkembangan sains dan teknologi iaitu sains forensik bagi mewujudkan elemen integrasi antara Syariah dengan sains.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah penyelidikan dokumentari untuk menilai buku-buku yang ditulis oleh para sarjana dan ahli akademik.

Di samping itu, metodologi yang sama juga digunakan untuk menilai penemuan kajian terkini yang dinyatakan dalam jurnal berkualiti dan berindeks. Kaedah penyelidikan dokumentari digunakan untuk mengumpulkan dan mendapatkan data melalui kajian dokumen, penulisan, dan rekod yang telah dihasilkan (Neely & Ponsunmugam, 2019; Prior, 2008).

Tujuan utama kaedah ini adalah untuk menilai secara ilmiah terhadap dokumen bertulis tertentu sama ada dokumen awam atau persendirian. (Payne & Payne, 2004; Walsh, 2014). Bagi tujuan kajian ini, kami menilai kedua-dua jenis dokumen.

Dalam kajian ini, penyelidik telah menilai dokumen-dokumen utama seperti peruntukan di dalam Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2004, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003. Penyelidik telah menentukan data dari dokumen-dokumen ini adalah data utama kerana data-data ini dari sumber langsung, boleh dipercayai dan tidak dipengaruhi oleh pandangan atau pendapat individu.

Tambahan lagi, data sekunder bagi kajian ini adalah perbincangan di dalam kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari sekitar tema konsep pembuktian. Selain itu, data sekunder juga diperoleh daripada penulisan di dalam jurnal berindeks terutamanya Scopus dan WOS yang diperolehi dari

pangkalan data Scopus yang diakses melalui portal Ezproxy Universiti Sains Islam Malaysia.


Kemudian, data yang diperoleh telah dianalisa menggunakan kaedah analisis kandungan untuk memahami dan mengeluarkan maklumat-maklumat penting dan berguna yang berada di sekitar teks dokumen (Leavy, 2017).

Oleh kerana kajian ini merupakan kerja kualitatif, maka analisis kandungan dalam kajian ini telah dilaksanakan secara induktif (Julien, 2008). Proses ini dilaksanakan secara berulang (rekursif) melibatkan proses pungutan dan analisis data yang berkaitan dengan penerapan definisi, peraturan, atau prosedur bagi mendapatkan keputusan yang berterusan (Hayes, Navarro, Stephens, Ransom, & Dilevski, 2019; Leavy, 2017; Liew, Grisham, & Hayes, 2018).

DAPATAN KAJIAN

Terdapat beberapa kaedah sains forensik yang boleh digunakan sebagai keterangan alternatif terhadap kes liwat dan musahaqah di Mahkamah Syariah.

Kajian ini menggunakan istilah 'keterangan alternatif' bagi menunjukkan bahawa masih adalah alternatif lain yang boleh digunakan sebagai keterangan dalam membuktikan sesuatu kes kesalahan jenayah Syariah selain daripada pembuktian melalui keterangan iqrar dan kesaksian.



Rajah 1: Keterangan Alternatif Melalui Kaedah Sains Forensik Terhadap Kes Liwat dan Musahaqah di Mahkamah Syariah

Terdapat lima jenis keterangan alternatif yang boleh digunakan sebagai pembuktian dalam kes liwat dan musahaqah di Mahkamah Syariah sepertimana pada Rajah 1 di atas. Setelah pakar forensik selesai menjalankan analisa terhadap bahan-bahan bukti atau ekshibit tersebut, terdapat lima prosedur yang perlu dilakukan agar pembuktian saintifik menerusi kaedah sains forensik ini dapat digunakan di Mahkamah Syariah.

PERBINCANGAN

Perkara-perkara yang dinyatakan pada Rajah 1 di atas akan dibincangkan secara menyeluruh pada bahagian ini.

Kesalahan LGBT Dalam Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah Di Malaysia

Sehingga ke hari ini, masih belum ada lagi undang-undang yang khusus dibina bagi membendung gejala LGBT di Malaysia sama ada di peringkat Persekutuan mahupun negeri. Peruntukan undang-undang yang sedia ada hanya melampirkan kesalahan-kesalahan yang secara tidak langsung berkaitan dengan amalan LGBT. Merujuk kepada Enakmen

Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2004,² kesalahan LGBT telah dimuatkan dalam kategori “Perihal kesalahan mengenai kehormatan diri” yang terdiri daripada beberapa jenis kesalahan termasuklah liwat, musahaqah, dan persetubuhan di luar tabi’i semula jadi (Mohamed & Nawasdeen, 2005; Siti Zubaidah, 2017).

Bil	Seksyen	Kesalahan	Hukuman
1	63	Seorang lelaki yang melakukan liwat dengan lelaki lain	Denda tidak melebihi RM3,000 Penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun
2	64	Seorang perempuan yang melakukan musahaqah dengan perempuan yang lain	
3	65	Mana-mana orang yang melakukan persetubuhan dengan mana-mana lelaki, perempuan atau binatang dengan cara berlawan dengan tabi’i semulajadi	Kedua-duanya

Jadual 1: Jenis-jenis Kesalahan Perlakuan LGBT dalam Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2004

Beberapa elemen jenayah yang perlu dibuktikan terhadap Orang Kena Tuduh (OKT) ialah (i) mana-mana orang lelaki atau wanita beragama Islam, (ii) dalam kawasan Negeri Sembilan, (iii) OKT seorang yang berakal dan baligh, (iv) melakukan hubungan sejenis

² Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2004 digunakan sebagai sampel rujukan bagi tujuan menjalankan kajian dalam kajian ini. Hakikatnya, peruntukan seksyen-seksyen di dalam Enakmen ini adalah sama atau seakan sama dengan peruntukan seksyen-seksyen di dalam Enakmen-enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di negeri-negeri lain seluruh Malaysia.

bersama dengan sesama lelaki atau sesama wanita, (v) dengan sengaja (Bahagian Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, T.th).

Perbandingan boleh dibuat di antara peruntukan di dalam Jadual 1 dengan peruntukan undang-undang jenayah di dalam Akta Kanun Keseksaan yang digubal oleh Parlimen Malaysia. Mohd Izzat Amsyar *et al.* (2018) menyatakan bahawa dalam Kanun Keseksaan, kesalahan LGBT adalah berkaitan dengan kesalahan hubungan seks luar tabi'i. Kesalahan-kesalahan jenis ini boleh didapati pada seksyen 377A, 377B, 377C, 377CA dan 377D.

Bil	Seksyen	Kesalahan	Hukuman
1	337A	Persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabi'e sama ada melalui oral atau dubur	Penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebat
2	337B	Perhubungan seks luar tabii secara sukarela	Penjara sehingga 20 tahun, dan termasuk sebatan
3	337C	Perhubungan seks luar tabii tanpa kerelaan	Penjara tidak kurang lima tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan
4	337CA	Perhubungan seks dengan objek sama ada melalui dubur atau kemaluan	Penjara sehingga 20 tahun dan termasuk sebatan
5	337D	Melanggar kesopanan dengan	Penjara sehingga dua tahun

		melakukan kelucahan melampau	
--	--	------------------------------	--

Jadual 2: Jenis-jenis Kesalahan Perlakuan LGBT dalam Kanun Keseksaan

Keterangan Pendapat Pakar Di Mahkamah Syariah

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003³ digunakan sebagai rujukan bagi kajian ini. Enakmen ini mengandungi 131 peruntukan undang-undang, sembilan bab, dan rangkumkan ke dalam empat bahagian utama iaitu Kerelevanan, Pembuktian, Pengemukaan Dan Kesan Keterangan, dan Am. Tambahan lagi, terdapat enam jenis keterangan yang terkandung dalam Enakmen ini.

Bil	Jenis Keterangan	Seksyen
1	Iqrar	17-19
2	Pendapat pakar	33-39
3	Keterangan dokumentar	48-71
4	Kesaksian	83-88
5	Sumpah	72, 87, 88 dan 129
6	Keengganan bersumpah dan sumpah yang dikembalikan	87

Jadual 3: Jenis-jenis Keterangan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003

Jenis keterangan yang akan diberikan tumpuan dalam kajian ini adalah keterangan Pendapat Pakar. Merujuk kepada Jadual 1 di atas, seksyen yang berkaitan dengan pendapat pakar ialah seksyen 33 hingga 39.

Pakar dalam terminologi undang-undang keterangan Islam dikenali sebagai *Ashāb al-Masā'il* (al-Māwardī, 1999), *Ahlu al-Ma'rifah* (Ibnu Farhūn, 2016), dan *Ahlu al-Khibrah* (Ibnu Qayyim,


³ Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 digunakan sebagai sampel rujukan bagi tujuan menjalankan kajian dalam kajian ini. Hakikatnya, peruntukan seksyen-seksyen di dalam Enakmen ini adalah sama atau seakan sama dengan peruntukan seksyen-seksyen di dalam Enakmen-enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di negeri-negeri lain seluruh Malaysia.

2011).

Ketiga-tiga terminologi ini mempunyai makna yang seerti iaitu seseorang yang mempunyai pengetahuan terhadap sesuatu (Ibnu Faris, 1979; Ibnu Manzur, 1994). Menurut al-Zuhayli (2002) 'Azzām (2009), dan Ayman Muhamad Ali (2008), antara *ahlu al-khibrah* yang dapat ditakrifkan dalam konteks undang-undang keterangan Islam pada zaman sekarang ialah pakar forensik kerana mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan terhadap ilmu sains dan teknologi dalam membuktikan kes-kes jenayah pada zaman serba moden ini.

Jika diteliti seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, peruntukan ini sebenarnya telah membuka jalan serta memberi ruang dan peluang kepada Mahkamah Syariah untuk menerima pembuktian melalui sains forensik.

Pembuktian ini boleh dilakukan menerusi keterangan yang diberikan oleh pakar forensik atas kapasitinya sebagai seorang pakar dalam bidang tersebut. Keterangan yang diberikan adalah mengenai hasil analisa yang telah beliau lakukan terhadap bahan-bahan bukti saintifik yang ditemui dan dikumpul pada tubuh badan OKT atau tempat kejadian jenayah.



Rajah 2: Keterangan Pakar Forensik Pada

Seksyen 33(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003

Berdasarkan Rajah 2 di atas, pakar forensik boleh memberikan keterangannya sebagai seorang pakar dalam lima keadaan, iaitu pendapat berkaitan sains, identiti, ketulenan tulisan, cap jari, dan penentuan nasab. Frasa 'sains atau seni' dalam peruntukan seksyen 33(1) sudah memberikan ruang yang luas untuk memasukkan pendapat pakar forensik sebagai salah satu pendapat pakar (Augustine Paul, 2010). Kemudian, ditambah lagi beberapa jenis keadaan yang berkenaan dengan bidang forensik.

Sains forensik ditakrifkan sebagai aplikasi amalan saintifik atau teknikal kepada identifikasi, pengumpulan, analisis dan tafsiran terhadap bahan bukti untuk undang-undang jenayah dan sivil atau isu pengawalseliaan (Metwally, 2019). Objektif utama mana-mana pakar forensik ialah perlu menyediakan maklumat saintifik yang tidak berat sebelah dan mestilah berdasarkan data yang diperolehi daripada hasil analisa (Welner, Davey, & Bernstein, 2014).

Seterusnya, sebagai *al-khabir*,⁴ terdapat sembilan syarat kelayakan yang perlu dipenuhi bagi membolehkan pakar forensik dianggap sebagai seorang pakar dan layak untuk memberikan keterangan pakar dalam sesuatu perbicaraan ('Azzām, 2009; Ahmad Syukran, 2017; al-Zuhayli, 2011; Ayman Muhamad Ali, 2008):

(1) Seorang yang bebas dan tidak dimiliki oleh sesiapa sebagai hamba.

- Penilaian dalam konteks semasa ialah pakar-pakar hendaklah bebas dari sebarang tekanan atau gangguan yang mungkin memberi kesan terhadap penilaian teknikal mereka

⁴ *Al-khabir* merujuk kepada seseorang yang pakar dalam sesuatu bidang. Mereka hadir ke mahkamah atas permintaan hakim atas beberapa tujuan, antaranya, untuk menyatakan pendapatnya tentang perkara yang dipertikaikan, untuk menegakkan kebenaran, dan membantu hakim kerana hakim tidak dapat melakukannya sendiri (al-Zuhayli, 1982; Bahnasi, 1989; Shanyur, 2005).

- (Ahmad Syukran, 2017).
- (2) Mematuhi syarat-syarat umum untuk memberikan keterangan dalam Islam.
- Mestilah seorang yang berakal, baligh, dan adil.
- (3) Mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang tinggi terhadap sesuatu bidang, perkembangan terkini berkaitan bidang tersebut dan bilangan instrumen yang kompeten (tidak terhad kepada alat tertentu dalam analisa).
- Ahli atau pakar hanya memberikan keterangan berdasarkan pengalaman, penyelidikan, pengamatan, dan pengujian yang telah dilaksanakannya selama bertahun-tahun dalam bidang tersebut.⁵ Pakar ini juga berkemahiran dalam menggunakan berbagai alat dan peranti yang dapat membantu tugasnya (al-Zuhayli, 2011).
 - Pakar juga hendaklah merupakan anggota atau ahli berdaftar dalam institusi yang berkompoten.⁶
- (4) Mempunyai pengetahuan asas yang sangat tinggi mengenai bidang tersebut.
- (5) Berkelayakan dan berkecekapan.
- Berkelayakan dari segi undang-undang bertulis.
 - Perihal kecekapan dalam Islam termasuk kemampuan untuk bersikap sopan, tenang, dan bebas dari kesusahan, sama ada dari dirinya sendiri atau lain-lain (Ahmad Syukran, 2017).
- (6) Adil.

⁵ Hal ini bergantung kepada amalan dalam sesuatu agensi kerajaan atau swasta yang mempunyai perkhidmatan pakar forensik. Pada kebiasaannya, tempoh minimum untuk dianggap sebagai pakar adalah lima tahun pengalaman dalam perkhidmatan.

⁶ Di Malaysia, terdapat beberapa institusi yang berkompoten, antaranya Pusat Analisis Sains Forensik Kimia Malaysia, Unit Forensik Polis Diraja Malaysia, CyberSecurity Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dan Jabatan Forensik di hospital kerajaan dan bukan kerajaan.

- Bebas dari hubungan sosial dengan rakan-rakan yang fasiq atau orang jahat (Ayman Muhamad Ali, 2008).
- (7) Individu hendaklah bersesuaian dengan kes itu.
- Contohnya, sekiranya kes tersebut memerlukan seorang pakar forensik DNA untuk memberikan keterangan atau pendapat, maka individu tersebut mestilah mengikut kesesuaian yang telah ditetapkan.
- (8) Perlu ada ujian atau peperiksaan yang kerap dalam bidang kepakaran dalam masa yang dijadualkan.
- (9) Mempunyai pengetahuan asas mengenai hukum perundangan syariah dalam bidang khusus prosedur, tatacara mahkamah dan penghujahan secara umum.

Bagi memastikan pakar forensik memenuhi syarat-syarat kelayakan tersebut, proses *tazkiyyah al-syuhūd*⁷ dilaksanakan untuk mengesahkan kompetensi dan berkelayakan beliau dalam memberikan keterangan sebagai seorang pakar.

Selain itu, jumah fuqaha menyatakan bahawa sekiranya pakar hadir di mahkamah atas kapasiti untuk memberikan keterangan sebagai saksi, pakar tersebut hendaklah terdiri daripada dua orang atau lebih, sekiranya tiada dua orang atau lebih, dibolehkan kesaksian seorang pakar sarak (Ayman Muhamad Ali, 2008; Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, 1990).

Kemudian, sekiranya kehadiran pakar tersebut hanya untuk memberitahu atau menerangkan sesuatu perkara, maka memadai dengan hanya seorang sahaja sekalipun dari kalangan bukan muslim (al-Khaṭīb al-Sharbinī, 1994; al-Tarabulasi, 1985; Ibnu Farḥūn,

⁷ Terma ini juga dikenali sebagai "*voir dire*" iaitu pemeriksaan atau siasatan awal ke atas saksi untuk menilai kelayakannya, kebenarannya atau kebolehterimaannya sebelum dibenarkan untuk memberikan keterangannya di mahkamah. Hal ini diadakan oleh peguam atau hakim semasa perbicaraan.

2016; Ibnu Qudāmah, 1969). Maksudnya, sekiranya pakar forensik hadir sebagai saksi untuk memberikan kesaksiannya, maka hendaklah dua orang pakar forensik diperlukan agar kesaksiannya sah dan boleh diterima, sekiranya kehadirannya hanya untuk memberikan keterangan pakar terhadap laporan atau hasil kajiannya, maka memadai dengan kehadiran seorang pakar forensik sahaja.

Sains Forensik Yang Boleh Digunakan Sebagai Keterangan Alternatif Di Mahkamah Syariah

Kaedah-kaedah sains forensik yang akan digunakan untuk menganalisa adalah bergantung kepada jenis-jenis bahan bukti yang ditemui pada tubuh badan OKT atau pada tempat kejadian jenayah.

(a) Kesan Air Mani

Kesan air mani boleh dijumpai pada tubuh badan OKT dan juga tempat kejadian jenayah. Hal ini kerana Asid Deoksiribonukleik (DNA) seseorang boleh terus didapati pada objek/permukaan atau tangan/kulit orang lain melalui sampel yang ditinggalkan seperti ejakulasi air mani seseorang pada sesuatu permukaan atau pada orang lain (Oorschot, Szkuta, Meakin, Kokshoorn, & Goray, 2019).

Semasa proses pemeriksaan badan dan tempat kejadian dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis, kesan air mani yang dijumpai boleh diambil sebagai sampel untuk dianalisa oleh pegawai forensik. Kaedah atau teknik yang akan digunakan untuk menganalisa sampel tersebut ialah pemprofilan DNA (*DNA fingerprinting*) (Kumar, Gaur, Singh, & Shukl, 2015).

Menurut Puri, Kumar, Sharma, dan Shukla (2019), terdapat dua peranan utama dalam pemprofilan DNA: pertama, pengesanan DNA boleh membawa kepada hasil yang positif hanya dengan kehadiran spermatozoa yang sedikit. Kedua, boleh digunakan untuk membezakan percampuran sampel DNA milik individu yang berbeza.

Terdapat beberapa jenis analisa yang digunakan dalam kaedah pemprofilan DNA, antaranya *Alternative*

Light Source (ALS), Antigen Spesifik Prostat (PSA), *Membrane Test Assays*, *Short Tandem Repeats* (STRs) (Mameli, Scudiero, Delogu, & Ghiani, 2019). Analisa ini haruslah disahkan memenuhi standard yang dipakai dalam aspek kualiti.

(b) Alat Bantuan/Permainan Seks (Sex Aids/Sex Toys)

Istilah alat bantuan seks merujuk kepada objek atau peranti yang digunakan terutamanya untuk membantu merangsangkan keseronokan seksual manusia (Miranda *et al.*, 2019). Bagi mana-mana pasangan luar tabi'in seperti gay dan lesbian, mereka akan menggunakan alat bantuan seks bagi membantu merangsang keseronokan seksual mereka ketika melakukan hubungan seks luar tabi'i tersebut (Rosenberger, Schick, Herbenick, Novak, & Reec, 2012).

Terdapat elemen saintifik pada alat bantuan seks ini yang boleh dianalisa seperti kesan air mani, kesan air liur, dan cap jari. Oleh kerana itu, apabila Penguatkuasa Agama atau pegawai polis yang menjalankan siasatan menemui alat ini, ia akan diambil dan diserahkan kepada pegawai forensik sebagai ekshibit untuk dianalisa. Beberapa kaedah boleh digunakan, antaranya ialah teknik pemprofilan DNA berserta analisa-analisa yang telah dinyatakan. Teknik mengesan cap jari juga boleh digunakan ke atas alat bantuan seks tersebut bagi mengetahui sama ada alatan itu digunakan oleh OKT dan pasangannya atau tidak.

Terdapat beberapa jenis analisa cap jari yang digunakan dalam mengesan cap jari serta boleh digunakan sebagai qarinah, antaranya, *Powdering technique*, reagen Amido Black, larutan Ninhidrin, *1,8-diazafluoren-9-on* (DFO), *Crystal Violet*, iodine, *Small Particle Reagent* (SPR), *Super Glue Fuming*, dan *Eosin technique* (Umi Kalthom & Abdul Rahim, 2003).

(c) Kesan Air Liur

Air liur adalah cecair biologi kompleks yang dirembeskan melalui sel-sel yang

terdapat pada kelenjar air liur (Chatterjee, 2018). Ianya mengandungi komponen-komponen plasma dan peranannya sebagai alat diagnostik dan forensik semakin diteliti dan dinilai kebelakangan ini.

Menurut Saferstein (2015), kesan air liur boleh didapati pada bahan-bahan seperti putung rokok, pencungkil gigi, sampul surat, setem, gelas, botol, cadar, selimut, sarung bantal, kulit (kesan gigitan), dan pakaian. Air liur boleh dijumpai di tempat kejadian dalam dua keadaan, sama ada dalam bentuk cecair atau kesan. Terdapat kebarangkalian sampel DNA boleh dijumpai di dalam air liur tersebut. Akan tetapi, hal ini bergantung kepada keadaan sampel air liur yang dijumpai dan juga hasil analisa serologi dan biokimia yang dilakukan oleh pegawai forensik untuk menentukan identiti OKT (Saferstein, 2015).

(d) Sel-Sel Epithelial

Cebisan kulit yang dijumpai di bawah kuku dikenali sebagai sel-sel *epithelial*. Ianya dikenali sebagai lapisan luar sel-sel kulit (Wang, Stanciu, Ehrhardt, & Yadavalli, 2017) yang sering jatuh atau berpindah ke objek lain dan boleh diambil di tempat kejadian jenayah (Saferstein, 2015). Tambahan lagi, sampel sel-sel *epithelial* boleh didapati dari bawah kuku melalui tangan yang menggaru atau mencakar (Wiegand & Kleiber, 1997).

Selain itu, kajian Jiang (2009) mendapati sebanyak 400,000 sel *epithelial* digugurkan pada setiap hari. Majoriti daripadanya berpindah ke permukaan dalaman baju yang menyentuh kulit seperti kolar, lengan, sarung tangan, kasut, dan topi.

Sampel sel *epithelial* yang ditinggalkan oleh OKT boleh diambil menerusi bawah kukunya atau pasangannya dengan cara mengikis bahagian bawah kuku, dan kemudian dipindahkan ke dalam bekas bertutup untuk dianalisa. Kikisan boleh dilakukan dengan menggunakan pencungkil gigi atau rod besi yang berbeza-beza bagi setiap jari.

Begitu juga halnya dengan

pakaian OKT atau pasangannya juga boleh dipotong pada bahagian yang mempunyai sampel sel *epithelial* untuk dianalisa oleh pegawai forensik. Kaedah atau teknik yang akan digunakan untuk menganalisa sampel tersebut ialah pemprofilan DNA (*DNA fingerprinting*). Manakala jenis analisa yang kerap digunakan ialah *Short Tandem Repeats* (STRs) (Burrill, Daniel, & Frascione, 2019; Hebda, Doran, & Foran, 2014).

(e) Kesan penetrasi di Dubur

Lelaki gay dan bisexual sering terlibat dalam hubungan liwat (Peixoto, 2017). Apabila perbuatan seksual dilakukan terhadap dubur, maka pasti wujud kesan penetrasi di kawasan tersebut. Kesan tersebut akan dianalisa menerusi pemeriksaan kesihatan. Pemeriksaan ini dijalankan terhadap OKT di pusat kesihatan kerajaan merangkumi pemeriksaan fizikal. Sampel hasil daripada pemeriksaan fizikal akan dianalisa menggunakan kaedah pemprofilan DNA. Maka di sini akan terhasil dua jenis laporan, pertama, laporan perubatan, kedua, laporan makmal forensik.

(f) Rakaman Televisyen Litar Tertutup (CCTV)

CCTV atau televisyen litar tertutup (*Closed-Circuit Television*) adalah kamera yang merakam imej video dan menghantar isyarat video komposit tempat-tempat tertentu (Wan Abdul Fattah, Syahirah, Hasnizam, & Ahmad Syukran, 2018). Imej CCTV digunakan untuk mengesan suspek dan proses ini dapat menggunakan kedua-dua operator manusia dan sistem pengenalan wajah komputer (Ritchie *et al.*, 2018). CCTV mungkin berguna dalam menjawab sekurang-kurangnya dua soalan ini: apa yang berlaku dan siapa yang terlibat (Ashby, 2017).

Rakaman yang berkualiti baik berpotensi membolehkan penyiasat melihat kejadian keseluruhan secara terperinci, memberikan maklumat mengenai kronologi kejadian, kaedah yang digunakan dan laluan keluar-masuk yang diambil oleh pesalah, dan

menyokong atau menafikan bukti lain tentang apa yang berlaku, seperti kesaksian saksi (Seckiner, Mallett, Roux, Meuwly, & Maynard, 2018).

Rakaman CCTV boleh dijadikan sebagai bahan bukti bagi pensabitan kes liwat dan musahaqah. Hal ini merujuk kepada rakaman CCTV di premis yang dipercayai berlakunya kegiatan jenayah tersebut. Ashby (2017) menyatakan empat persoalan yang perlu diselesaikan sebelum rakaman tersebut boleh digunakan untuk tujuan penyiasatan.

Pertama, Adakah CCTV yang merakam berjaya ditentukan? Kedua, Adakah rakaman tersebut berjaya diperoleh? Ketiga, Adakah rakaman tersebut memaparkan perlakuan jenayah yang dimaksudkan? Keempat, Adakah kualiti rakaman ditahap yang memuaskan untuk mengesan identiti penjenayah? Sekiranya jawapan kepada persoalan-persoalan ini pada tahap yang positif, maka rakaman tersebut boleh digunakan bagi tujuan penyiasatan.

Sekiranya keberadaan CCTV itu hanya berada di sekitar premis, maka ianya hanya mampu membuktikan kehadiran OKT, dan tidak dapat membuktikan OKT melakukan jenayah liwat atau musahaqah. Sebaliknya, sekiranya CCTV berada di tempat mereka melakukan jenayah seperti dalam bilik atau kawasan sunyi, maka rakaman ini boleh digunakan untuk mensabitkan jenayah.

Prosedur Setelah Selesai Menjalankan Analisa Forensik

Pegawai forensik akan menyediakan laporan hasil analisis setelah segala proses yang berkaitan lengkap dilaksanakan. Kemudian, laporan tersebut akan disahkan oleh Ketua Unit Makmal Forensik sebelum diserahkan kepada bahagian penguatkuasaan atau pendakwaan Syarie.

Menurut Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, laporan analisa forensik adalah suatu keterangan dokumentar dalam kategori Dokumen Awam bagi maksud seksyen 57(a)(iii) "Dokumen yang mengandungi tindakan atau rekod

tindakan pegawai awam". Tambahan lagi, seksyen 198 (1) dan (2)(c) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 menyatakan bahawa Mahkamah Syariah boleh memanggil pegawai forensik yang mengesahkan laporan tersebut atau menjalankan analisa yang dinyatakan dalam laporan tersebut.

Prosedur seperti ini pernah dilaksanakan dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn. Rosli bin Abdul Japar* (2007) berkaitan penerimaan bukti analisa DNA dalam kes kesalahan jenayah melakukan persetubuhan haram sehingga melahirkan seorang anak luar nikah. Begitu juga dalam kes *Eddyham bin Zainuddin lwn Rahimah bt. Muhamad* (2015) berkaitan penerimaan analisa DNA dalam mensabitkan nasab anak.

Sekiranya Mahkamah Syariah memanggil pakar forensik untuk hadir bagi memberikan keterangan mengenai laporan tersebut, maka keterangannya akan dikira sebagai keterangan saksi pakar di bawah seksyen 33(1) dan 39 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003. Keterangan yang diberikan adalah dianggap qarinah, manakala seksyen 3 dalam Enakmen yang sama pula memasukkan qarinah sebagai sebahagian daripada bayyinah iaitu keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan. Tuntasnya, laporan analisa forensik adalah keterangan dokumentar, manakala keterangan pakar forensik terhadap laporan tersebut adalah qarinah. Manakala qarinah pula adalah sebahagian daripada *bayyinah*⁸ yang boleh diterima sebagai keterangan di Mahkamah Syariah.

⁸ Terdapat tiga tafsiran "*bayyinah*" menurut perbahasan fiqh berkaitan keterangan Islam (al-Zuhayli, 1982), kajian ini cenderung kepada tafsiran kedua iaitu "kata nama bagi setiap perkara yang menegakkan hak dan menzahirkannya". Tafsiran ini juga seiring dengan tafsiran "*bayyinah*" yang diperuntukkan dalam Seksyen 3(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 iaitu "keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah qarinah".

PENUTUP

Kesimpulannya, terdapat beberapa kaedah sains forensik yang boleh digunakan sebagai keterangan alternatif selain daripada iqrar dan kesaksian terhadap kes liwat dan musahaqah di Mahkamah Syariah.

Akan tetapi, kaedah-kaedah sains forensik yang akan digunakan adalah bergantung kepada jenis bahan bukti yang berjaya dikumpul di sekitar tempat kejadian atau pada tubuh badan OKT. Pegawai forensik yang menjalankan analisa akan menyediakan laporan setelah segala proses analisa telah lengkap dilaksanakan.

Kemudian, laporan ini akan disahkan oleh Ketua Unit Makmal Forensik. Seterusnya, laporan ini akan diserahkan kepada pihak penguatkuasaan agama atau pendakwa syarie untuk tindakan selanjutnya.

Pakar forensik boleh dipanggil untuk memberikan keterangan terhadap hasil analisa yang dinyatakan dalam laporan yang disediakan. Menurut kaca mata undang-undang keterangan Mahkamah Syariah, laporan analisa forensik adalah dikira sebagai keterangan dokumentar, manakala keterangan pakar forensik terhadap laporan tersebut adalah dikira sebagai keterangan pendapat pakar.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan terhadap pembiayaan penuh yang disediakan oleh pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, USIM, melalui skim geran penyelidikan PPPI/FSU/0118/051000/16818.

Penghargaan juga dirakamkan kepada penyelidik-penyelidik Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) atas kerjasama yang telah diberikan.

RUJUKAN

'Azzām, Ṭ. Ṣ. Y. 2009. *Athar Aṭ-Ṭibb al-Sharī fī Ithbāt al-Ḥuqūq wa al-Jarāim*. Ed.1. Amman: Dar al-Nafa'is.

- Abu Zahrah, M. A. 1998. *al-Jarīmah wa al-'Uqūbah fī al-Fiqh al-Islāmī: al-Jarīmah*. Kaherah: Dar Al-Fikr Al-'Arabi.
- Ahmad Syukran, B. 2017. *The Integration of Forensic Science Fundamentals and Al-Qarinah Towards Achieving Maqasid Al-Shari'ah*. Doktor Falsafah. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- al-Buhūṭī, M. Y. 1997. *Kashāf al-Qanā' 'an Matan al-Iqnā'*. Jil. 1 & 6. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-'Imrānī, Y. A. a.-K. 2000. *al-Bayān fī Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī*. Sunt. Q. M. al-Nawri. Ed. 1. Jil. 12. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- al-Khaṭīb al-Sharbinī, M. A. 1994. *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī alfāz al-Minhāj*. Ed. 1. Jil. 1. Beirut Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Khaṭīb al-Sharbinī, M. A. 2004. *al-Iqnā' fī Ḥal Alfāz Abī Shujā'*. Sunt. A. M. Mu'awwad & 'A. A. Mawjud. Ed. 3. Jil. 2. Beirut Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Māwardī, A. M. 1999. *al-Ḥawī al-Kabīr fī Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī wahuwa Syarh Mukhtaṣar al-Muzānī*. Sunt. A. M. Mu'awwad & A. A. A. Mawjud. Ed. 1. Jil. 16). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Nafrāwī, A. G. 1997. *al-Fawākih al-Dawānī 'alā Risālah Ibnu Abi Zaid al-Qairawānī*. Ed. 1. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Sarkhasī, M. A. 1993. *al-Mabsūṭ*. Jil. 9. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Tarabulasi, A. K. 1985. *Mu'in al-Hukam fimā Yataraddad bayna al-Khismain min al-Aḥkām*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Zuḥaylī, M. M. 2002. *al-Tanzīm al-Qaḍā'ī fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah bayna al-Madhāhib al-Fiqhiyyah wa al-Anzīmah wa al-Qawānīn fī Sūriyah wa al-Sa'ūdiyyah wa al-Imārāt al-'Arabiyyah*. Ed. 2. Dimashq: Dar al-Fikr.
- al-Zuḥaylī, M. M. 2011. *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*. Ed. 3. Dimashq: Dar al-Qalam.
- al-Zuḥaylī, M. M. 1982. *Wasā'il al-Ithbāt fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah fī al-*

- Mu'āmalāt al-Madaniah wa al-Ahwāl al-Shakhsīyyah*. Dimashq: Maktabah Dar Al-Bayan
- Ashgar, A. A. M., & Yusuff, J. A. 2018. LGBT: An Evaluation of Shariah Provisions and The Laws of Malaysia and Nigeria. *Global Journal Al-Thaqafah*, 8(1), 15-29.
- Augustine Paul. 2010. *Evidence: Prctice and Procedure*. Ed. 4. Selangor: LexisNexis Malaysia Sdn Bhd.
- ‘Awdah, A. Q. 2005. *al-Tashrī‘ al-Jinā’i al-Islāmī Muqāranan bi al-Qānūn al-Wadhī*. Ed. 1. Jil. 1 & 2. Beirut: Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyah.
- Ayman Muhamad Ali. 2008. *Shahādah Ahlu al-Khibrah wa Aḥkāmuhā: Dirāsāt Fiqhiyyah muqāranah*. Amman: Dār al-Ḥāmid li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Bahagian Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. T.th. *Buku Panduan Identifikasi Elemen dan Sumber Keterangan Kesalahan-kesalahan Jenayah Syariah di Negeri Sembilan*. Seremban: Percetakan Cahaya Murni.
- Bahnasi, A. F. 1989. *Naẓariyyah al-Ithbāt fī al-Fiqh al-Jinā’ī al-Islāmī*. Ed.5. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Ibnu al-Qattān, A. M. 2004. *al-Iqnā‘ fī Masā’il al-Ijmā‘*. Sunt. H. F. al-Sa’idi. Ed.1. Jil. 2. Kaherah: al-Faruq al-Hadithah.
- Ibnu Farḥūn, I. A. 2016. *Tabsirah al-Ḥukkām fī Usūl al-Aqdiyah wa Manāḥij al-Aḥkām*. Sunt. O. J. Damiriyyah. Ed. 1. Jil. 2. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Ibnu Faris, A. F. 1979. *Mu’jam Maqāyis al-Lughah*. Sunt. A. S. M. Harun. Jil. 2. Dimashq: Dar Al-Fikr.
- Ibnu Hajar al-Haitami, A. M. 1987. *al-Zawājir ‘an Iqtirāf al-Kabā’ir*. Ed. 1. Jil. 2. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Ibnu Hazm, A. A. 1998. *Marātib al-Ijmā‘ fī al-‘Ibādāt wa al-Mu’āmalāt wa al-‘Itiqādāt*. Ed. 1. Beirut: Dar Ibnu Hazm.
- Ibnu Manzur, M. M. 1994. *Lisān al-‘Arab*. Jil. 4. Beirut: Dar Sadir.
- Ibnu Qayyim, M. A. B. 2011. *al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*. Sunt. N. Ahmad. Ed. 1. Jil. 1. Mekah: Dar ‘Alim al-Fawa'id.
- Ibnu Qudāmah, A. A. 1969. *al-Mughni*. Jil. 9. Kaherah: Maktabah al-Qaherah.
- Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait. 1990. Khibrah. In Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait. *al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiah*. Ed.2. Jil. 19, h. 17-26. Kuwait: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait.
- Leavy, P. 2017. *Research Design: Quantitative, Qualitative, Mixed Methods, Arts-Based, and Community-Based Participatory Research Approaches*. New York: The Guilford Press.
- Mohamed, A. A. A., & Nawasdeen, P. 2005. *The Annotated Statutes of Malaysia with relevant Subsidiary Legislation: Syariah Criminal Offences (Federal Territories) Act 1997 (Act 559)*. Selangor: Malayan Law Journal Sdn Bhd.
- Peixoto, M. M. 2017. Sex and Sexual Orientation. In W. W. IsHak. Ed.), *The Textbook of Clinical Sexual Medicine*. h. 433-445. Switzerland: Springer International Publishing AG.
- Prior, L. F. 2008. Document Analysis. In L. M. Given. *The Sage Encyclopedia of Qualitative Research Methods*. Jil. 1, h. 230-231. California: SAGE Publications, Inc.
- Payne, G., & Payne, J. 2004. *Key Concepts in Social Research*. London: SAGE Publications Ltd.
- Saferstein, R. 2015. *Criminalistic: An Introduction to Forensic Science* Ed.11. England: Pearson Education Limited.
- Saferstein, R. 2015. *Criminalistic: An Introduction to Forensic Science* Ed.11. England: Pearson Education Limited.
- Siti Zubaidah, I. 2017. *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Ed.1. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Shanyur, A. N. M. 2005. *al-Ithbāt bil-Khibrah bayna al-Qaḍā’ al-Islāmī wa al-Qānūn al-Duwali wa Taṭbiwātihā al-Mu’āshirah*. Ed.1. Oman: Dar al-Nafa'is.

Umi Kalthom, A., & Abdul Rahim, Y. 2003. *Pengenalan Sains Forensik*. Ed. 1. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Jurnal

- Alias, A., & Abdul Ghafur, A. H. 2017. DNA Sebagai Qarinah Di Mahkamah Syariah: Analisis Terhadap Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Perlis 2006. *International Journal of Law Government and Communication*, 2(6), 76-86.
- Ashby, M. P. J. 2017. The Value of CCTV Surveillance Cameras As An Investigative Tool: An Empirical Analysis. *European Journal on Criminal Policy and Research*, 23(3), 441-459. doi:10.1007/s10610-017-9341-6
- Burrill, J., Daniel, B., & Frascione, N. 2019. A review of trace “Touch DNA” deposits: Variability factors and an exploration of cellular composition. *Forensic Science International: Genetics*, 39, 8-18.
- Chatterjee, S. 2018. Saliva as a Forensic Tool. *Journal of Dental Problems and Solutions*, 5(2), 26-28. doi:http://doi.org/10.17352/2394-8418.000059
- Hayes, B. K., Navarro, D. J., Stephens, R. G., Ransom, K., & Dilevski, N. 2019. The diversity effect in inductive reasoning depends on sampling assumptions. *Psychonomic Bulletin & Review*, 26(3), 1043-1050.
- Hebda, L. M., Doran, A. E., & Foran, D. R. 2014. Collecting and Analyzing DNA Evidence from Fingernails: A Comparative Study. *Journal of Forensic Sciences*, 59(5), 1343-1350.
- Jiang, X. 2009. One method of collecting fallen off epithelial cell. *Forensic Science International: Genetics Supplement Series*, 2(1), 193.
- Kumar, N., Gaur, V., Singh, V., & Shukl, S. K. 2015. Studies of different clue materials for semen detection and DNA fingerprinting in sexual assault cases. *International Journal of Multidisciplinary Research and Development*, 2(4), 286-288.
- Liew, J., Grisham, J. R., & Hayes, B. K. 2018. Inductive and deductive reasoning in obsessive-compulsive disorder. *Journal of Behavior Therapy and Experimental Psychiatry*, 59, 79-86.
- Mahfudzah, M. 2015. Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender: Perspektif Undang-undang Jenayah Syariah. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, 19, 29-36.
- Mameli, A., Scudiero, C. M., Delogu, G., & Ghiani, M. E. 2019. Successful Analysis Of A 100 Years Old Semen Stain Generating A Complete DNA STR profile. *Journal of Forensic and Legal Medicine*, 61, 78-81.
- Metwally, M. 2019. Forensic Organizational Psychology: shedding light on the positive repercussions of ethical leadership in forensic medicine. *Egyptian Journal of Forensic Sciences*, 9(1). doi:https://doi.org/10.1186/s41935-019-0125-7
- Miranda, E. P., Taniguchi, H., Cao, D. L., Hald, G. M., Jannini, E. A., & Mulhall, J. P. 2019. Application of Sex Aids in Men With Sexual Dysfunction: A Review. *Journal of Sexual Medicine*, 16(6), 767-780.
- Mohd Izzat Amsyar, M. A., Muhammad Syahlan, S., Hisham, H., & Fareed, M. H. 2018. Salah Laku Lgbt Dalam Perundangan Malaysia: UndangUndang Sebagai Mekanisme Pembantaran dan Kawalan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 13(1), 19-34.
- Neely, A. H., & Ponshunmugam, A. 2019. A qualitative approach to examining health care access in rural South Africa. *Social Science and Medicine*, 230, 214-221
- Nirwana, S., & Zulkifley, H. 2016. Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perunggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-159.
- Oorschot, R. A. H. v., Szkuta, B., Meakin, G. E., Kokshoorn, B., & Goray, M. (2019). DNA transfer in forensic science: A review. *Forensic Science*

- International: Genetics*, 38, 140-166.
- Puri, P., Kumar, N., Sharma, D., & Shukla, S. 2019. Differential organic DNA extraction of semen sample contaminated with blood for the identification of a serial sexual offender: A case report. *Medico-Legal Journal*, 87(1), 32-35.
- Ritchie, K. L., White, D., Kramer, R. S. S., Noyes, E., Jenkins, R., & Burton, A. M. 2018. Enhancing CCTV: Averages improve face identification from poor-quality images. *Applied Cognitive Psychology*, 32(6), 671-680.
- Rosenberger, J. G., Schick, V., Herbenick, D., Novak, D. S., & Reec, M. 2012. Sex Toy Use by Gay and Bisexual Men in the United States. *Archives of Sexual Behavior*, 41(2), 449-458.
- Seckiner, D., Mallett, X., Roux, C., Meuwly, D., & Maynard, P. 2018. Forensic image analysis – CCTV distortion and artefacts. *Forensic Science International*, 285, 77-85.
- Suzana, M. S., & Raja Muhammad Zuha, R. K. B. 2018. Exploring the Legal Aspects and Court Process of Forensic Entomology from the Malaysia's Perspective. *Serangga*, 23(1), 268-278.
- Walsh, K. 2014. Documentary research and evaluation in medical education. *J Educ Eval Health Prof*, 11, 18.
doi:10.3352/jeehp.2014.11.18

Akta

- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2004.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.

Internet

- Zulkifli, M. A.-B. 2018, 5 November. Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-266 : Musahaqah (Lesbian) Dan Hukum Berkaitan. Diambil daripada: <https://muftiwp.gov.my/ms/artike/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa->

umum/2729-irsyad-al-fatwa-siri-ke-266-musahaqah-lesbian-dan-hukum-berkaitan (diakses pada 1 Julai 2019).

Kes

- Eddyham bin Zainuddin lwn. Rahimah bt. Muhamad* (2015), 40(2) JH 238 (Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan).
- Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn. Rosli bin Abdul Japar* (2007), 23(2) JH 237 (Mahkamah Tinggi Syariah Keningau Sabah).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.